



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 9 APRIL 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	UPAH AWAK-AWAK ASING TANGKAP IKAN SECARA HARAM, LOKAL, HM-12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
2.	PENGUSAHA BERAYA DI 'KEBUN', POS LEBIH DUA TAN HARUMANIS, DALAM NEGERI, UM-8	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2025	HARIAN METRO	LOKAL	12

Upah awak-awak asing tangkap ikan cara haram

Shah Alam: Upah awak-awak dalam kalangan pendatang asing tanpa izin untuk menjalankan tugas menangkap ikan secara haram di perairan negara.

Itu tindakan seorang tekong warga tempatan berusia 67 tahun yang diberkas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor di perairan Tanjung Karang jam 6.10 petang kelmarin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, bot dinaiki tiga individu itu ditahan pihaknya bersama 100 kilogram ikan pelbagai jenis yang dipercayai hasil tangkapan menerusi kaedah yang melanggar undang-undang.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot itu dikendalikan seorang tekong lelaki, pemastautin tetap berusia 67 tahun bersama dua awak-awak warga Indonesia masing-masing berumur 43 dan 37 tahun yang gagal mengemukakan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah," katanya semalam.

Menurut Abdul Muhaimin, siasatan awal mendapati bot terbabit turut melanggar syarat sah lesen mengikut Akta Perikanan 1985, termasuk menggunakan mata pukat yang berukuran kurang daripada 38 milimeter iaitu satu kesalahan



Bot dinaiki tiga individu itu ditahan. pihaknya bersama 100 kilogram ikan pelbagai jenis yang dipercayai hasil tangkapan menerusi kaedah yang melanggar undang-undang"

Abdul Muhaimin

dalam operasi penangkapan ikan.

"Ketiga-tiga individu terbabit bersama bot serta hasil tangkapan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk tindakan lanjut. Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63 kerana melanggar syarat lesen serta gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/4/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Pengusaha beraya di 'kebun', pos lebih dua tan harumanis

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Musim harumanis kembali mewarnai landskap pertanian negeri Perlis apabila para pengusaha mempelam ikonik itu tidak menang tangan memenuhi permintaan tinggi pelanggan dari seluruh negara sejak awal Aidilfitri lalu.

Lebih menarik, ada antara mereka yang sanggup 'beraya' di kebun bagi memastikan proses kutipan dan penghantaran harumanis berjalan lancar susulan hasil tuaian musim ini yang melebihi dua tan metrik, suatu peningkatan ketara berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pengusaha harumanis dari Kampung Jejawi Dalam, Nazliyah Idris, 64, berkata, musim kali ini menyaksikan penghantaran meningkat dua kali ganda berbanding tahun lalu, iaitu lebih dua tan metrik berbanding hanya sekitar satu tan metrik sebelum ini.

"Musim ini saya jangka hasil jualan mencecah sehingga RM50,000 kerana tempahan memang sangat banyak. Kebanyakan pelanggan adalah pelanggan tetap yang membuat tempahan awal dan penghantaran dilakukan menggunakan perkhidmatan kurier," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Nazliyah yang telah sembilan tahun mengusahakan lebih 100 pokok harumanis, buah-buah tersebut akan mela-



NAZLIYAH Idris sibuk sejak awal Aidilfitri melakukan kerja-kerja mengutip, membersihkan serta membungkus sebelum proses penghantaran harumanis yang melebihi dua tan metrik bersempena musim buah ikonik Perlis itu di Kampung Jejawi Dalam, Arau, Perlis semalam. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

lui proses pembersihan sebelum diperam dalam bekas khas bagi memastikan kematangan sekata sebelum dibungkus dan dihantar kepada pembeli.

"Permintaan cukup tinggi setiap tahun. Selain hasil tuaian yang memberangsangkan, bimbingan daripada Jabatan Pertanian dan FAMA banyak membantu dalam aspek kursus, penjagaan tanaman serta teknik pemasaran," katanya.

Seorang lagi pengusaha, Zahir Nazri, 40, berkata, musim harumanis tahun ini tiba serentak dengan sambutan Aidilfitri,

sekali gus melonjakkan permintaan dalam kalangan perantau yang pulang ke kampung.

"Cuaca panas dan hujan yang kurang sebelum ini turut menyumbang kepada pengeluaran buah yang lebih banyak. Selain jualan dalam talian, saya turut jual kepada pasaran tempatan, terutama untuk dibawa pulang ke Kuala Lumpur," katanya.

Sebagai rekod, keluasan tanaman harumanis di Perlis kini mencecah 1,745.79 hektar melibatkan 2,693 petani, dengan kawasan yang berhasil sekitar 1,611.59 hektar.